

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER  
A/L RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menaik taraf Hospital Besar Pulau Pinang yang sedia ada yang sudah mencapai kapasiti maksimum. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Hospital Besar Pulau Pinang yang baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan Hospital Pulau Pinang dapat memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik di Pulau Pinang, terdapat tiga (3) projek utama yang telah diluluskan pelaksanaannya dan dijangka akan dapat menampung perkembangan perkhidmatan Hospital Pulau Pinang, iaitu:

- (i) Blok Wanita Dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang (dengan 329 katil). Projek kini di dalam fasa pembangunan reka bentuk dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2025.
- (ii) Blok Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang dengan (216 katil). Projek ini dijangka akan ditender pada pertengahan tahun 2022.
- (iii) Blok Pusat Perkhidmatan Stem Sel Hospital Pulau Pinang. Projek ini dalam proses tender.

2. Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa akan sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan Hospital Besar Pulau Pinang. Segala penambahbaikan dan keperluan baharu akan dinilai dan diberikan perhatian mengikut keutamaan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.